



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
(Accountant General's Department Malaysia)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 1, PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 2  
62594 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8882 1000  
Faks : 603-8882 1042  
Web : www.anm.gov.my



---

Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/13( 28 )  
Tarikh : 29 Mac 2023

**Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian**

**Pengarah JANM Negeri/Cawangan**

Tuan/ Puan,

---

**SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 3 TAHUN 2023**

---

**PENGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN KEPADA PENJAWAT AWAM (KOD *VENDOR EMPLOYEE*) MELALUI MODUL *HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM)* DAN MODUL *ACCOUNT PAYABLE (AP)***

---

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 15 Mac 2023, mesyuarat bersetuju bagi **penggunaan satu akaun bank sahaja bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor *EMPLOYEE* untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul *Human Capital Management (HCM)* – *Payroll* dan bayaran tuntutan perjalanan (*TNT*) serta tuntutan lain di Modul *Account Payable (AP)***. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan penggunaan Tuntutan Perjalanan (*TNT*) HRMIS yang menggunakan nombor akaun daripada sumber data *Human Capital Management (HCM)*.


3. Keutamaan pembayaran kepada penjawat awam bagi modul AP adalah menggunakan satu nombor akaun bank sahaja iaitu sumber data dari HCM. Sekiranya terdapat keperluan bagi menggunakan nombor akaun selain daripada sumber data di HCM, pegawai melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mendapat pengecualian daripada Pejabat Perakaunan di atas justifikasi tertentu.

4. Pejabat Perakaunan hendaklah memanjangkan perkara ini kepada Pusat Tanggungjawab dan perkara ini berkuatkuasa pada **1 Mei 2023**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A. (M))**  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan  
b/p Akauntan Negara Malaysia